

31 MAY 2002

Pembangking-Sabah

PAS DAN RAKAN PARTI PEMBANGKANG INGIN GANTI PERANAN PBS DI SABAH

KOTA BAHARU, 31 Mei (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata pakatan parti pembangkang membabitkan PAS, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) akan berperanan sebagai parti pembangkang utama di Sabah pada pilihan raya akan datang.

Ini bagi mengambil alih peranan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang kini telah kembali menyertai Barisan Nasional (BN) dan meninggalkan kekosongan di barisan pembangkang di negeri itu.

"Disebabkan PBS tidak lagi menjadi pembangkang maka pakatan pembangkang akan bertindak sekurang-kurangnya sebagai pembangkang di Sabah. Kami mempunyai harapan yang baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Tahunan PAS ke 48 di sini, hari ini.

Menurut beliau kedudukan pembangkang dalam sesebuah negeri adalah penting dan malahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa pembangkang diperlukan.

"PAS dan Barisan Alternatif akan ke Sabah. Rakyat di mana-mana pun memerlukan pembangkang," katanya.

PBS diterima semula menjadi anggota komponen BN pada 23 Jan lepas.

Selain itu, Fadzil berkata PAS akan terus menjadikan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai isu utama bagi menawan hati rakyat walaupun Umno menganggap isu berkenaan telah lapuk.

Isu Anwar "masih panas" dan bekas pemimpin Umno itu masih menjadi pusat penyatuan gerakan reformasi dan perpaduan di kalangan pakatan parti pembangkang.

Beliau berkata berdasarkan sokongan rakyat PAS yakin pakatan pembangkang akan dapat menawan Kedah, Perlis dan Pahang selain membuat kejutan di beberapa buah negeri lain seperti Perak dan Selangor.

Langkah persempadanan semula yang membabitkan beberapa buah negeri khususnya Sabah dan Sarawak adalah tidak adil kerana Terengganu yang kini diperintah PAS tidak diberi keutamaan untuk penambahan kerusi sejak 20 tahun lepas walaupun bilangan pengundi telah bertambah.

-- BERNAMA

RAR PR